

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF

MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN

KEMENTERIAN KERJA RAYA

BAGI BULAN SEPTEMBER 2015

PADA

3 SEPTEMBER 2015

(KHAMIS)

BERTEMPAT DI

DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID

KOMPLEKS KERJA RAYA

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YB Datuk Rosnah bte Abdul Rashid Shirlin

Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBhg. Datuk Ir. Hj. Adanan bin Mohamed Hussain

Ketua Pengarah Kerja Raya

Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

YBhg. Dato' Sri Prof. Ir. Dr. Judin bin Abd Karim

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

YBhg. Dato' Ir. Haji Ismail bin Md Salleh

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

YBrs. Tuan Haji Sarani bin Dollah

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan Agensi,

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia,

1. Terlebih dahulu sukacita saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah izin dan inayah-nya, maka kita dapat bersama berhimpun pada pagi yang mulia ini. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda.

HARI KEBANGSAAN 31 OGOS 2015

2. Alhamdulillah, kita baharu sahaja selesai meraikan Sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos 2015. Sambutan Hari Kebangsaan yang ke-58 dengan tema “**#sehati sejiwa**” disambut meriah di seluruh negara. Tema ini bertepatan dengan sentimental value yang ada pada negara kita yang mana kita hidup dalam masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya di negara yang kita sayangi ini. Saya berharap, semua rakyat Malaysia khususnya warga KKR menghayati roh kesepaduan sosial, kesefahaman dan membina jati diri sebagai satu bangsa Malaysia yang merdeka jiwa dan merdeka mindanya. Ingatlah, kemerdekaan yang kita nikmati dan kecapi pada hari ini tidak hadir dalam sekelip mata. Pelbagai rintangan dan cabaran ditempuhi oleh pejuang terdahulu bagi memastikan negara mencapai kemerdekaan seperti hari ini.

3. Jika diamati dengan mendalam, tema ini sangat signifikan dengan persekitaran yang berlaku di dalam negara buat masa ini. Dengan cabaran dan ujian yang berlaku sama ada dalam bentuk politik mahupun ekonomi, disinilah semangat sehati sejiwa seluruh rakyat Malaysia amat diperlukan untuk terus bersatu padu dan berdiri kukuh bersama Kerajaan. Cabaran yang besar bagi generasi pada hari ini adalah untuk memastikan kemerdekaan dan kemakmuran yang kita kecapi ini terus dikekalkan serta dapat diwarisi kepada generasi akan datang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Umum mengetahui, negara kita telah mengalami pelbagai cabaran dan rintangan sejak dari dulu lagi. Oleh yang demikian, sejak tahun 2009, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, sebaik sahaja mengambil alih tampuk pentadbiran, telah melakarkan Dasar Transformasi Nasional, sebagai falsafah teras kepada pentadbiran negara. YAB Perdana Menteri telah melancarkan Program Transformasi Kerajaan (GTP) untuk memastikan negara terus bersaing di persada global demi kesejahteraan dan kemakmuran negara. Antara contoh kejayaan program GTP yang kita dapat lihat seperti pengwujudan Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang merupakan pusat sehenti bagi memudahkan rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan. Jika sebelum ini, masa yang diperlukan untuk membuat passport mengambil tempoh yang lama, tetapi kini tempoh masa yang diambil adalah amat singkat iaitu 1 jam. Rakyat dapat mengecapi keselesaan dan kesejahteraan, hasil daripada program transformasi ini.

5. Program Transformasi Ekonomi (ETP) turut dilaksanakan untuk menjadikan Malaysia sebuah Negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Bagi merealisasikan program ini, 5 petunjuk utama pelaksanaan ETP telah digariskan bermula 2010 iaitu:

- i. Pendapatan per kapita rakyat Malaysia telah meningkat daripada 7.059 dolar Amerika pada 2009 kepada 10.426 dolar Amerika pada 2014;
- ii. Nilai pelaburan kekal tinggi dengan pelaburan sebanyak 142 bilion ringgit pada tahun 2009 dan telah meningkat kepada 228 bilion ringgit pada 2014;
- iii. 1.8 juta pekerjaan baru telah diwujudkan dalam sektor-sektor NKEA sejak 2010;

- iv. Lebih 5 juta rakyat lagi di kawasan luar Bandar telah mendapat manfaat kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air bersih semenjak GTP dan ETP dilaksanakan; dan
- v. Hampir 170 ribu golongan miskin telah berjaya dibawa keluar dari kepompong kemiskinan susulan kenaikan jumlah pendapatan mereka dalam tempoh 5 tahun ini.

6. Mengikut laporan Perkembangan Ekonomi Dan Kewangan Di Malaysia pada suku kedua 2015 oleh Bank Negara Malaysia, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.9%, didorong terutamanya oleh permintaan sektor swasta. Sektor swasta kekal sebagai pemacu utama dengan pertumbuhan 6.4%. Pertumbuhan sektor swasta ini didokong oleh kedudukan asas dan fundamental ekonomi negara yang kukuh. Sektor swasta adalah penyuntik utama kepada pertumbuhan ekonomi negara yang mapan dan mampan. Ini dapat dilihat melalui aktiviti pelaburan di Pengerang Integrated Complex di Johor, yang nilai pelaburannya mencecah 27 bilion dollar Amerika menjelang 2019 nanti yang mana mampu menyediakan sehingga 4 ribu peluang pekerjaan kepada rakyat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Dalam memacu ke arah kemajuan negara, kita perlu juga mengambil kira keperluan dan aspirasi rakyat. Sehubungan dengan itu Kerajaan telah memperkenalkan program transformasi sosial yang bersifat inklusif iaitu beranjak daripada subsidi pukal kepada subsidi bersasar bagi memastikan pengagihan subsidi yang lebih adil dan mengelakkan pembaziran serta ketirisan seperti:

- Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) - 6.8 juta orang menerima bantuan antara RM450 - RM650, setakat ini;
- Klinik 1Malaysia – Sebanyak 307 K1M telah beroperasi; dan
- Kedai Rakyat 1Malaysia – 161 KR1M telah dibuka.

Manakala antara pencapaian di bawah program Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) adalah:

- 73,392 rumah telah dibina dan dibaik pulih di luar bandar dari tahun 2010 – 2014; dan
- 4,553 kilometer jalan raya baharu dibina untuk menghubungkan kawasan luar bandar dari tahun 2010 – 2014.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Alhamdulillah, seperti ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri dalam amanat Hari Kebangsaan 2015, asas dan fundamental ekonomi negara masih kukuh. Kita masih berada pada landasan yang betul berasaskan lima petunjuk iaitu ekonomi semasa Malaysia masih berkembang, defisit fiskal kerajaan dapat dikurangkan, kejayaan dasar-dasar negara, penarafan yang diberikan agensi antarabangsa dan usaha berterusan yang dilaksanakan kerajaan.

9. Di sebalik ketidaktentuan pertumbuhan ekonomi serantau dan global, ekonomi semasa Malaysia masih berkembang, dengan tahun lepas kita berada pada kadar enam peratus dan tahun ini pula In shaa Allah, akan mencapai lima peratus. Defisit fiskal Kerajaan juga dapat dikurangkan dari negatif 6.7 peratus pada tahun 2009, kepada 3.2 peratus yang dijangka akan dicapai pada tahun ini. Dasar yang dilaksanakan

kerajaan telah membawa kepada penurunan kadar kemiskinan, daripada 49.3 peratus pada tahun 1970, kepada hanya 0.6 peratus pada tahun 2014. Keluaran Dalam Negara Kasar pula telah meningkat sebanyak 47.7 peratus dari 2009 hingga 2014.

10. Malaysia kekal diiktiraf di mata dunia dengan yang terkini Forum Ekonomi Dunia (WEF) menyenaraikan Malaysia pada kedudukan ke-8 kerajaan paling efisien dalam Laporan Kompetitif Global 2014-2015. Penilaian WEF terhadap landskap kecekapan dan daya saing 144 kerajaan berdasarkan antara lainnya pembaziran perbelanjaan kerajaan, beban peraturan dan ketelusan penggubalan dasar yang menghasilkan kedudukan global secara keseluruhan. Baru-baru ini juga Fitch Ratings mengesahkan penarafan Kemungkinan Penerbit (IDR) mata wang asing jangka panjang Malaysia kepada 'A-' selain menyemak semula unjuran Malaysia kepada stabil daripada negatif. Agensi kewangan antarabangsa itu menilai kemajuan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) serta langkah penyelarasan subsidi bahan api sebagai menyokong kewangan fiskal. Moody's Investors Service pula memberi penarafahan 'A3' kepada Malaysia berdasarkan kemajuan aspek pengukuhan fiskal serta langkah kerajaan melaksanakan semakan semula bajet yang turut melibatkan mekanisme penyelarasan harga minyak.

11. Malaysia juga telah mendapat pengesahan penarafan kredit asing jangka panjang 'A-' dengan prospek yang lebih stabil oleh Standard & Poor's (S&P). S&P mengiktiraf pengurusan ekonomi negara yang pragmatik dan komitmen teguh kerajaan kepada pembaharuan fiskal, terutama rasionalisasi subsidi bahan api serta mempelbagaikan pendapatan melalui GST. Penarafan juga dibuat berdasarkan kedudukan luaran Malaysia yang kukuh dan flexibility monetary yang membantu menyerap kejutan ekonomi. Manakala dalam laporan bertajuk

'Favourable Prospects for Malaysia's Diversified Economy', Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) mengiktiraf kemajuan Malaysia dan melahirkan keyakinan bahawa pertumbuhan negara kemungkinan akan terus positif pada 2015 walaupun harga tenaga adalah rendah. Bagi IMF, defisit perbelanjaan negara yang semakin berkurangan, ekonomi yang pelbagai dan pergantungan yang berkurangan kepada hasil minyak, rasionalisasi subsidi dan pelaksanaan GST memberi keyakinan tentang kestabilan ekonomi, kewangan dan potensi Malaysia. Bank Dunia dan Forum Ekonomi Dunia menyenaraikan Malaysia menghuni ranking ke 18 daripada 189 negara di dunia yang mudah untuk menjalankan perniagaan dan daya saing. Manakala Bloomberg meletakkan Malaysia di kedudukan kelima dunia sebagai pasaran baru muncul pada 2015.

12. Kesungguhan dan komitmen padu kerajaan untuk terus membela kepentingan dan kesejahteraan rakyat dapat dilihat daripada usaha dan ikhtiar berterusan yang dilaksanakan seperti penubuhan UTC, RTC, BR1M, Kedai Rakyat 1Malaysia dan sebagainya. Namun kerajaan tidak dapat melakukannya sendirian tanpa sokongan kita semua. Kesungguhan dan komitmen padu kerajaan harus disambut dengan sokongan padu kita di semua peringkat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) - PRODUKTIVITI

13. Pencapaian Pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) sehingga Jun 2015 adalah sebanyak 67% dan Kementerian akan memastikan semua KPI yang telah ditetapkan dapat dicapai pada hujung tahun 2015 dengan mempergiatkan usaha dan menambahbaik pelan tindakan sedia ada. Perkembangan semasa menuntut perkhidmatan awam untuk

mentransformasikan rutin dan budaya kerja demi mematuhi kehendak stakeholder dan rakyat. Oleh itu, kita tiada pilihan melainkan mengubah aspek-aspek kerja ke arah yang lebih dinamik dan menjurus kepada produktiviti demi mencapai kepuasan pelanggan. Perkara ini telah diberi penekanan oleh YAB Perdana Menteri semasa Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) ke-14 yang bertemakan 'Mendepani Realiti Baharu Negara' di mana untuk menuju kepada kemajuan pada masa hadapan maka kita harus memberi penekanan kepada pertumbuhan melalui produktiviti.

14. Justeru itu, pelaksanaan KPI juga akan menggunakan pendekatan baharu serta penambahbaikan dengan berpaksikan kepada produktiviti sebagai pengukuran pencapaian. Dalam melaksanakannya kita harus memberi fokus kepada produktiviti sebagai pencapaian atau hasil kerja dengan merujuk kepada tiga definisi produktiviti iaitu:

- i. hasil kerja yang sama tetapi dengan kos yang lebih rendah;
- ii. hasil kerja bertambah dengan kosnya yang sama; dan
- iii. hasil kerja bertambah tetapi kos berkurangan.

15. Ketiga-tiga elemen tersebut merupakan panduan kepada pelaksanaan KPI 2016 kerana untuk mencapai keberhasilan yang berimpak tinggi dan menyeluruh, kita perlu mengetahui produktiviti secara spesifik dan bukan secara rambang untuk membolehkan kita mengetahui keberhasilan pencapaian dan impaknya kepada rakyat. Semua aspek tersebut merupakan fokus utama dalam memenuhi aspirasi rakyat dan kumpulan sasar yang menjadi sasaran kepada bidang tugas kita. Ini membuktikan bahawa kerajaan begitu prihatin untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan mengutamakan kepentingan rakyat khususnya dalam mencapai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

16. Dalam konteks ini, pelaksanaan KPI pada tahun 2016 akan diperkukuhkan lagi dengan rangka kerja yang lebih jitu, komprehensif serta bersifat '*outcome-based*'. Kewibawaan penjawat awam perlu disuntik elemen nilai tambah supaya selari dengan persekitaran global bagi membolehkan perkhidmatan awam terus relevan sebagai sektor peneraju dalam proses pembangunan negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

CONSTRUCTION INDUSTRY TRANSFORMATION PROGRAMME (CITP)

17. Program Transformasi Industri Pembinaan (*Construction Industry Transformation Programme - CITP*) yang dibangunkan oleh Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), telah dijadikan program nasional dan dirangkumkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), di mana semua Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat bersama-sama memberikan komitmen dan sokongan bagi menjayakan pelaksanaannya. In shaa Allah CITP akan dirasmikan YAB Perdana Menteri.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN

18. Tahun 2015 merupakan tahun terakhir Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dalam usaha untuk mencapai negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Usaha ini terus digiatkan dengan pelancaran RMKe-11 yang akan bermula pada tahun 2016

hingga 2020 sebagaimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 22 Mei 2015 di Parlimen Malaysia dengan tema '**Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat**'. Lantaran itu, Kementerian ini telah mengenal pasti pelaksanaan beberapa projek utama sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara seperti Lebuh Raya Pan Borneo, Lebuh Raya Kota Bharu - Kuala Krai, Projek *Central Spine Road* (CSR), Rangkaian Jalan Kompleks Bersepadu Pengerang dan Lebuh Raya Pantai Barat (WCE). Projek-projek jalan raya ini dijangka memberi impak langsung kepada pembangunan setempat dan seterusnya kesan limpahannya akan turut dinikmati di kawasan berkenaan.

19. Pada 30 Jun 2015 yang lalu, perjanjian konsesi bagi pembinaan Lebuh raya Pan Borneo bagi Negeri Sarawak Fasa 1 telah ditandatangani oleh pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan syarikat konsesi yang disaksikan oleh YAB Perdana Menteri. Pelaksanaan projek ini secara *Project Delivery Partner* (PDP) dengan pembiayaan 100% daripada Kerajaan sepanjang 773 kilometer bagi Fasa 1 dari Telok Melano ke Sematan (33 km – *new alignment single carriageway*) dan Sematan ke Miri (740km - *upgrading existing alignment – from single carriageway to dual carriageway*). Pembinaan lebuh raya ini dilihat sebagai satu momentum positif kepada pembangunan Negeri Sarawak dalam aspek pembangunan sosio-ekonomi, pewujudan peluang-peluang pekerjaan, merancakkan sektor perindustrian dan pelaburan, peningkatan tahap keselamatan jalan raya dan seterusnya jaringan jalan raya yang lebih selesa.

20. Selain itu, sebagai tanda komited kementerian dalam penyediaan akses terbaik kepada rakyat, persimpangan bertingkat bandar Ainsdale, Seremban telah dibuka dengan rasminya kepada pengguna jalan raya pada 10 Julai 2015. Dengan adanya persimpangan ini, secara tidak

langsung, ia akan merencanakan lagi pembangunan di sekitar Seremban, terutamanya di Bandar Ainsdale dan Seremban 2. Melalui kajian oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), jangkaan trafik yang akan menggunakan persimpangan ini dianggarkan lebih kurang 11,000 kenderaan sehari di kedua-dua hala serta dijangka dapat mengurangkan kesesakan di Persimpangan Bertingkat Seremban sedia ada dan Jalan Sungai Ujong sehingga 35% pada waktu puncak dan musim perayaan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PENUTUP

21. Akhir kata, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat menyambut Hari Malaysia kepada semua yang akan kita sambut pada tanggal 16 September 2015 nanti. Semoga negara kita terus kukuh, maju dan sentiasa di bawah payung kerahmatan oleh Allah SWT...Aamiin

Sekian,

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi

wabarakatuh.

Terima kasih.

Kementerian Kerja Raya